

U 6 MAR 2016
U.R.D
M.B.P.J.

BH
6/3/16
mLS

Taksi mini di bandar besar

» Kemudahan guna kereta kecil tawar caj ekonomik

Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my
Lahore, Pakistan



tuk' yang mengenakan tambang murah, tetapi kita tidak benarkan kemudahan seperti itu di Malaysia kerana tidak selamat.

"Jadi, kita akan wujudkan taksi mini membabitkan penggunaan kereta kecil yang kos penyelenggaraannya lebih murah, sekali gus tambang juga lebih rendah berbanding taksi sedia ada.

Skop perjalanan taksi
"Bagaimanapun, skop perjalanan taksi mini ini ditetapkan bagi laluan antara stesen terakhir LRT ke rumah penumpang atau kawasan persekitarannya sahaja," katanya kepada BH, di sini, semalam. Beliau berada di sini sempena majlis perasmian penerbangan sulung Malindo Air ke Lahore.

Abdul Aziz berkata, perkhidmatan baharu itu tidak akan memberi saingan kepada taksi sedia ada, sebaliknya ia sebahagian daripada transformasi pengangkutan awam yang perlu dilakukan bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Berikutan itu, katanya, pengusaha taksi sedia ada yang mengalami masalah untuk bersaing dengan perkhidmatan taksi Uber dan Grabcar boleh beralih kepada perkhidmatan baharu ini bagi meningkatkan pendapatan.

"Uber dan Grabcar adalah satu sistem aplikasi dan masyarakat tidak dapat lari dengan perkembangan teknologi. Kemudahan masyarakat tak boleh elak. Pihak kerajaan akan mewujudkan transformasi baharu yang akan menampung semua sistem yang ada.

"Ia akan dibenarkan beroperasi tetapi dengan peraturan yang baharu," katanya.

Kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan taksi mini sebelum akhir tahun ini, di bandar besar terutama di Kuala Lumpur bagi menawarkan harga lebih ekonomik kepada pengguna.

Taksi mini membabitkan penggunaan kereta kompak seperti model PERODUA Axia kerana kos penyelenggaraan kenderaan berkuasa kuda (cc) bawah 1,000 adalah rendah.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi, berkata Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang mengkaji perkara itu sebelum dilaksanakan secara menyeluruh.

Katanya, langkah itu bertujuan membantu rakyat menikmati kemudahan taksi pada harga minimum, sekali gus mengimbangi kos sara hidup yang semakin meningkat di bandar besar.

"Ramai rakyat mempersoalkan apakah tindakan kerajaan bagi meringankan kos sara hidup mereka yang semakin tinggi, masa sama, kos pengangkutan juga makin meningkat.

"Di Indonesia, mereka mempunyai taksi motosikal dan taksi roda tiga yang dipanggil 'baji' atau di Thailand ada 'tuk

INFO

KADAR CAJ UNTUK UBER

UberX (kereta biasa)	
Kadar asas:	RM0.95
+ Setiap minit:	RM0.25
+ Setiap kilometer:	RM0.60
Pembatalan:	RM5

UberXL (MPV)	
Kadar asas:	RM2.50
+ setiap minit:	RM0.40
+ setiap kilometer:	RM0.75
Pembatalan:	RM5

UberBlack (kereta mewah)	
Kadar asas:	RM3
+ Setiap minit:	RM0.50
+ Setiap kilometer:	RM1.40
Pembatalan:	RM5

Kadar caj untuk taksi Teksi bajet	
Kasar asas:	RM3
+ setiap 200 meter:	RM0.25
+ setiap 36 saat:	RM0.25

Taksi1M	
Kadar asas:	RM4
+ setiap 200 meter:	RM0.30
+ setiap 36 saat:	RM0.30

Taksi Eksekutif	
Kadar asas:	RM6
+ setiap 100 meter:	RM0.20
+ setiap 21 saat:	RM0.20

Perbandingan kadar tambang bagi jarak 5km

UberX:	RM5-RM8
UberXL:	RM9-RM11
UberBlack:	RM12-RM16
Taksi bajet:	RM8
Taksi1M:	RM10
Taksi eksekutif:	RM14